

# Bahasa Melayu diminati jika bangsa kita maju — PM

UM 2 12 MAY 2000

KUALA LUMPUR 20 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bangsa Melayu perlu memberi tumpuan utama ke atas usaha memajukan bangsa terlebih dahulu bagi menarik perhatian masyarakat dunia terhadap bahasa Melayu.

Perdana Menteri berkata, sesebuah bangsa tidak akan dihormati jika mundur dan bahasanya juga tidak akan dipelajari dan digunakan jika bangsa yang mengguna pakai bahasa itu tidak maju.

Tegas beliau, jika sesebuah bangsa maju dan mempunyai pelbagai kebolehan, orang lain akan turut mempelajari bahasa untuk mendapatkan ilmu demi

kepentingan mereka. "Kemajuan bangsa adalah penting daripada kemajuan bahasa. Kemajuan bahasa hanya akan diikuti dengan adanya kemajuan bangsa. Kalau bangsa Melayu maju, cekap bekerja, berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bangsa lain, percayalah bahasa Melayu akan dipelajari oleh semua penduduk dunia," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis Malam Sanjungan Budi sempena ulang tahun ke-30 penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Seri Kembangan dekat sini, malam ini.

Canselor UKM, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan,

Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman; Tuanku Ampuan, Tuanku Najihah Tunku Burhanuddin turut hadir di samping isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali dan isteri Allahyarham Tun, Razak, Toh Puan Rahah Mohd. Noah.

Dr. Mahathir menambah, kejayaan yang ditunjukkan oleh pelayar negara, Datuk Azhar Mansor membuktikan kebolehan orang Melayu mendapat pengiktirafan dan menyebabkan ramai bangsa lain di dunia turut berminat mengenali orang Melayu dengan lebih dekat.

Perdana yang juga bekas Naib Pengerusi Jawatankuasa

Penaja Penubuhan UKM berkata, kejayaan pusat pengajian itu melahirkan hampir 70,000 graduan dalam pelbagai bidang sejak 30 tahun, amat membanggakan.

Menurutnya, kejayaan itu membuktikan keupayaan pusat pengajian tinggi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar berjaya melahirkan graduan pelbagai peringkat.

Jelasnya, kewujudan UKM hasil semangat tinggi pemimpin dan rakyat yang mahu sebuah universiti melambangkan identiti negara seharusnya diteruskan dengan penggunaan bahasa Melayu secara lebih meluas termasuk kaji selidik bagi memajukan bahasa itu.